

Perlu sokongan keluarga

Sokongan keluarga adalah faktor sangat penting bagi menentukan seseorang OKU itu mampu berjaya atau sebaliknya.

Demikian kata Pemenang Khas OKU, Kategori Sukan, Usahawan dan Akademik 2015 juga merupakan Pengarah Urusan JB Prosthetic & Rehab Supply Sdn Bhd, Fariz Abd Rani.

"Tidak semua OKU mampu berjaya seperti OKU yang lain kerana ia bergantung kepada latar belakang individu dan sokongan keluarga.

"Saya tidak nafikan kedua-dua faktor itu adalah sangat penting bagi mendorong OKU untuk berjaya," katanya ketika dihubung Sinar Harian, baru-baru ini.

Menurutnya, dia bersyukur kerana adanya sokongan keluarga yang sangat membantunya sehingga menjadi seperti hari ini.

Setiap OKU dengan latar belakang berbeza boleh menghasilkan produk yang berlainan.

"Kerajaan perlu menyediakan kemudahan OKU di negara ini untuk membolehkan atau memudahkan OKU ke sekolah dan universiti untuk menyambung

pelajaran.

"Dengan kemudahan itu, ia akan banyak membantu OKU mendapat kelebihan sama seperti orang lain," katanya.

Fariz mengalami kecacatan kekal lumpuh selepas kemalangan pada 17 tahun lalu ketika sedang menyambung pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Mengulas berhubung kejayaannya hari ini, Fariz berkata, dia mendapat pengalaman selama tujuh tahun di sebuah syarikat swasta dalam bidang kaki palsu.

Dalam masa sama, Fariz turut bekerja dengan NGO.

Berdasarkan pengalaman itu, Fariz mengambil keputusan untuk membuka syarikat sebagai pengedar barang-barang OKU selepas menyedari ramai OKU berpotensi untuk berjaya tetapi tidak diberikan peluang.

"Selama enam tahun dalam perniagaan ini, syarikat ini mampu menjana pendapatan hampir RM400,000 setahun," katanya.

